



SOALAN-SOALAN LAZIM

**PEJABAT NEGERI/ CAWANGAN TIDAK BEROPERASI KERANA
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
BAGI PERMOHONAN MELALUI KAUNTER IAITU:**

- (1) PEMERBADANAN SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (SBMJ)**
- (2) PENDAFTARAN SYARIKAT ASING**
- (3) TUKAR NAMA SYARIKAT**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bilakah transaksi permohonan pemerbadanan boleh diserahsimpan disebabkan oleh Pejabat SSM tidak beroperasi kerana Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)?	<p>Semua transaksi ini boleh diserahsimpan di mana-mana pejabat SSM yang beroperasi sama ada di kaunter atau melalui pos.</p> <p>Selain itu, transaksi ini juga boleh diserahsimpan kepada Pendaftar selepas Pejabat SSM berdekatan beroperasi atau tertakluk kepada pengumuman terkini di portal rasmi SSM.</p>
2.	Adakah serahsimpan akan dikenakan fi lewat serahsimpan sekiranya terdapat kelewatan dalam tempoh PKPB disebabkan oleh Pejabat SSM berdekatan tidak beroperasi?	Dalam tempoh PKPB, fi lewat serahsimpan akan dikecualikan.
3.	Adakah kelulusan nama yang luput ketika PKPB disebabkan oleh penutupan Pejabat SSM yang berdekatan, dilanjutkan?	Tempoh lanjutan kelulusan nama mengikut tempoh masa yang terkesan oleh penutupan pejabat SSM akan diberikan kepada pemohon yang beralamat di tempat perlaksanaan PKPB sahaja bagi membolehkan serah simpan permohonan dilakukan di kaunter.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
4.	Bagaimana dengan status kueri permohonan yang telah diserahsimpan sebelum PKPB?	Semua permohonan akan diproses secepat mungkin selepas perkhidmatan kaunter beroperasi semula.